



# **KRITERIA ANUGERAH SUKAN MASUM**



## 1. TAFSIRAN

- 1.1. Dalam peraturan ini :
- 1.1.1. 'Anugerah' : Ertinya Anugerah Sukan MASUM
  - 1.1.2. 'Jawatankuasa' : Ertinya Jawatankuasa Pemilihan Anugerah Sukan MASUM

## 2. TUJUAN ANUGERAH

- 2.1. Menyatakan penghargaan MASUM kepada orang perseorangan dan Persatuan Sukan atau pertubuhan-pertubuhan yang berkenaan di atas jasa perkhidmatan serta kepimpinan ke arah kemajuan sukan
- 2.2. Menyatakan penghargaan MASUM kepada atlet, pasukan, pengurus dan jurulatih yang mencapai kejayaan cemerlang dalam acara sukan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa

## 3. JENIS ANUGERAH

- 3.1. Anugerah Olaharagawan
- 3.2. Anugerah Olaharagawati
- 3.3. Anugerah Bintang Harapan Lelaki
- 3.4. Anugerah Bintang Harapan Wanita
- 3.5. Anugerah Pasukan Terbaik Lelaki
- 3.6. Anugerah Pasukan Terbaik Wanita
- 3.7. Anugerah Pengurus Terbaik
- 3.8. Anugerah Jurulatih Terbaik
- 3.9. Anugerah Tokoh Sukan MASUM
- 3.10. Anugerah Sekalung Budi
- 3.11. Anugerah Rakan Sukan MASUM
- 3.12. Anugerah Khas MASUM
- 3.13. Anugerah Atlet Lelaki Terbaik Universiti
- 3.14. Anugerah Altet Wanita Terbaik Universiti



#### 4. ASAS PEMILIHAN

##### 4.1. Anugerah Olahragawan/Olahragawati

4.1.1. Mewakili Negara dan mencapai kejayaan atau mendapat pingat di peringkat antarabangsa

ATAU

4.1.2. Mewakili MASUM di peringkat kebangsaan dan mencapai kejayaan atau memperoleh pingat

ATAU

4.1.3. Mewakili MASUM dalam pertandingan sukan yang diiktiraf oleh FISU/AUSF/AUSC dan mencapai kejayaan atau memperoleh pingat sekurang-kurangnya dalam Sukan Universiti ASEAN

DAN

4.1.4. Pencapaian yang cemerlang dalam sukan dan kekerapan penyertaan dalam kegiatan sukan

DAN

4.1.5. Mempunyai sifat-sifat kepimpinan, '*softskill*' dan ketekunan dalam kegiatan sukan/akademik

##### 4.2. Anugerah Bintang Harapan Lelaki/Wanita

4.2.1. Mewakili Negara dan mencapai kejayaan atau mendapat pingat di peringkat antarabangsa.

4.2.2. Mewakili Negeri di peringkat kebangsaan dan mencapai kejayaan dan memperoleh pingat.

4.2.3. Mewakili MASUM dalam pertandingan sukan yang diiktiraf oleh FISU/AUSF/AUSC dan mencapai kejayaan atau memperoleh pingat sekurang-kurangnya dalam Sukan Universiti ASEAN (SUA).

4.2.4. Pencapaian yang cemerlang dan konsisten dalam prestasi sukan dan kekerapan penyertaan dalam kegiatan sukan.



4.2.5. Mempunyai sifat-sifat kepimpinan dan ketekunan dalam kegiatan sukan/ akademik/ kemahiran insaniah (*'soft skill'*).

4.2.6. Syarat lain

4.2.6.1. Pencalonan oleh universiti

4.2.6.2. Satu calon untuk setiap kategori

4.2.6.3. Calon yang telah mewakili peringkat senior Negara tidak layak untuk kategori ini.

#### **4.3. Anugerah Pasukan Terbaik Lelaki/Wanita**

4.3.1. Mewakili universiti dan mencapai kejayaan atau mendapat pingat dalam kejohanan peringkat MASUM

ATAU

4.3.2. Mencapai kejayaan di dalam kejohanan yang disertai di peringkat kebangsaan, negeri, universiti.

4.3.3. Konsisten dalam prestasi sukan.

4.3.4. Pengurusan pasukan terbaik.

#### **4.4. Anugerah Pengurus Terbaik**

4.4.1. Dianugerahkan kepada pengurus yang telah menyumbangkan khidmat mereka untuk pencapaian cemerlang sesuatu pasukan

4.4.2. Menunjukkan mutu kepimpinan dan pengurusan berkualiti

4.4.3. Tidak semestinya pengurus pasukan yang mendapat Anugerah Pasukan Terbaik akan mendapat Anugerah Pengurus Terbaik.



**4.5. Anugerah Jurulatih Terbaik**

- 4.5.1. Dianugerahkan kepada jurulatih yang telah menyumbangkan khidmat mereka untuk pencapaian cemerlang sesuatu pasukan di peringkat kebangsaan, negeri, MASUM dan universiti.
- 4.5.2. Seorang jurulatih yang telah menyumbang khidmat kepada pasukan Universiti dalam MASUM
- 4.5.3. Seorang jurulatih yang komited dari segi latihan dan motivasi kepada pemain dan pasukan
- 4.5.4. Pencalonan jurulatih adalah dari kalangan warga universiti sahaja.

**4.6. Anugerah Tokoh Pemimpin Sukan**

- 4.6.1. Penghargaan MASUM kepada individu yang memberi sumbangan terhadap pembangunan sukan universiti dan MASUM

**4.7. Anugerah Penghargaan Sekalung Budi**

- 4.7.1. Penghargaan MASUM kepada individu yang memberi sumbangan/perkhidmatan terhadap pembangunan Sukan MASUM

**4.8. Anugerah Rakan Sukan**

- 4.8.1. Penghargaan MASUM kepada individu/organisasi yang telah memberi sumbangan dan kerjasama terhadap pembangunan sukan MASUM dalam tahun semasa anugerah.



#### **4.9. Anugerah Khas MASUM**

4.9.1. Orang perseorangan atau individu atau pasukan atau pentadbir MASUM yang menunjukkan prestasi cemerlang di satu-satu pertandingan antarabangsa serta memberi perkhidmatan yang cemerlang serta luar biasa ke arah kemajuan sukan MASUM.

#### **4.10 Anugerah Atlet Terbaik Lelaki/Wanita Universiti**

4.10.1. Setiap universiti mesti menamakan seorang atlet terbaik lelaki dan wanita untuk anugerah ini.

### **5. TEMPOH ANUGERAH**

- 5.1. Anugerah Tokoh Pemimpin Sukan, Anugerah Khas dan Rakan Sukan MASUM tidak ditentukan bagi mana-mana tempoh
- 5.2. Anugerah Olahragawan/Olahragawati, Bintang Harapan Lelaki/Wanita, Pasukan Terbaik, Pengurus Terbaik, Jurulatih Terbaik dan Atlet Terbaik Universiti hendaklah dalam tempoh (tahun) berkenaan sahaja

### **6. PENCALONAN**

- 6.1. Pencalonan Anugerah Sukan MASUM dibuat oleh :
  - 6.1.1. Pusat Sukan Universiti / IPT
  - 6.1.2. Pengerusi Permainan
  - 6.1.3. Panel Pemilihan
- 6.2. Pencalonan Anugerah Olahragawan/Olahragawati dan Bintang Harapan Lelaki/Wanita dibuat oleh Pusat Sukan Universiti / IPT yang berkenaan
- 6.3. Pencalonan Anugerah Jurulatih, Pengurus dan Pasukan Terbaik Lelaki dan Wanita dibuat oleh Pengerusi Permainan
- 6.4. Lain-lain pencalonan dibuat oleh Panel Pemilihan MASUM



## 7. AM

- 7.1. Anugerah-anugerah di atas tidak semestinya dikurniakan setiap tahun kecuali jika pada pendapat Jawatankuasa Pemilihan taraf kejayaan atau pencapaian yang berkenaan adalah cemerlang.
- 7.2. Setiap atlet atau pasukan hanya boleh dicalonkan untuk memenangi anugerah satu kategori sahaja untuk setiap tahun pencalonan.

## 8. BORANG PENCALONAN

- 8.1. Semua pencalonan hendaklah dibuat melalui borang yang disediakan oleh urusetia.
- 8.2. Segala permohonan hendaklah dikemukakan kepada urusetia sebelum tarikh yang ditentukan. Permohonan yang diterima selepas tarikh tutup akan ditolak.

## 9. JAWATANKUASA PEMILIHAN

- 9.1. Sebuah Panel Pemilihan ditubuhkan dan ahli-ahlinya dilantik oleh Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM) pada setiap tahun yang terdiri daripada :
  - i. Pengerusi : Timbalan. Pengerusi MASUM I
  - ii. Timbalan Pengerusi : Timbalan. Pengerusi MASUM II
  - iii. Setiausaha : Penolong Setiausaha Agung MASUM I
  - iv. Timbalan. Setiausaha : Penolong Setiausaha Agung MASUM II



**Ahli Jawatankuasa**

- i. Pengerusi Jawatankuasa Kecil Penyediaan Atlet MASUM
- ii. Pengerusi Jawatankuasa Kecil Teknikal dan Pertandingan MASUM
- iii. Pengerusi Jawatankuasa Kecil Promosi dan Tajaan MASUM
- iv. Pengerusi Jawatankuasa Kecil Pembangunan MASUM
- v. 2 orang '*senior member*' MASUM
- vi. Wakil Kementerian Pengajian Tinggi (KPT)
- vii. Wakil Majlis Sukan Negara(MSN)
- viii. Wakil Majlis Olimpik Malaysia(OCM)
- ix. Wakil Majlis Sukan Sekolah-sekolah Malaysia(MSSM)
- x. Wakil Persatuan Penulisan Sukan (SAM)

**Ex- Officio**

- i. Setiausaha Agung MASUM
- ii. Pegawai Eksekutif MASUM
- iii. Wakil Pengelola Anugerah Sukan MASUM



9.2. Tugas Jawatankuasa adalah :

9.2.1. Menetapkan tarikh pencalonan Anugerah Sukan MASUM

9.2.2. Menyediakan Peraturan-peraturan Pencalonan Anugerah Sukan MASUM

9.2.3. Menyemak dan menilai pencalonan yang diterima

9.2.4. Memilih penerima Anugerah Sukan MASUM

## **10. URUSETIA**

10.1. Sebuah universiti/IPTA pada setiap tahun akan dilantik oleh MASUM bagi menguruskan Anugerah Sukan MASUM

10.2. Tugas urusetia :

10.2.1. Menyediakan, menghantar dan menerima Borang Pencalonan

10.2.2. Memproses dan menyediakan Laporan Pencalonan untuk pertimbangan Jawatankuasa

10.2.3. Mengurus dan menguruskan Majlis Anugerah Sukan MASUM

10.2.4. Melaksanakan lain-lain arahan yang berkaitan